

## Padah jual LPG tanpa pamer harga jualan



PENGUAT kuasa KPDNHEP Kuala Kangsar ketika memeriksa sebuah kedai runcit yang gagal pamer tanda harga jualan runcit LPG. FOTO Ihsan KPDNHEP Kuala Kangsar

**Muhammad Zulsyamini Sufian Suri**  
am@hmetro.com.my

SEORANG peniaga kedai runcit dikompaun RM1,000 oleh penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana gagal meletakkan tanda harga jualan runcit gas petroleum cecair (LPG) di kedai runcit miliknya di Kuala Kangsar, hari ini.

Ketua Cawangan KPDNHEP Kuala Kangsar, Ahmad Puat Abdul Hamid berkata, tindakan terhadap peniaga berusia 55 tahun itu dibuat hasil pemeriksaan dijalankan lima penguat kuasa yang diketuainya sendiri di premis lelaki terbabit pada 12.45 tengah hari.

"Pemeriksaan dibuat berdasarkan aduan dari orang awam. Tindakan ke atas peniaga itu dikenakan mengikut Perintah 3(1), Perintah Kawalan Harga (Penandaan Oleh Penjual Runcit) 1993 kerana gagal meletakkan tanda harga bagi jualan runcit LPG untuk tong gas 14 kilogram (kg)

"Harga maksimum yang ditetapkan kerajaan bagi penjualan runcit LPG adalah RM19.00 bagi 10 kg, RM22.80 bagi 12 kg, dan RM26.60 bagi 14 kg yang mana kesemua peruncit tidak boleh menjualnya melebihi harga yang ditetapkan itu," katanya dalam kenyataannya, hari ini.

Dalam perkembangan sama, Ahmad Puat berkata, tiada laporan mengenai pembelian panik diterima pihaknya setakat ini di daerah ini membabitkan Kuala Kangsar, Padang Rengas, dan Sungai Siput sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP).

Katanya, KPDNHEP Kuala Kangsar mengingatkan semua peniaga supaya lebih beretika atau tindakan tegas bakal dikenakan sekiranya tidak mematuhi semua peraturan yang ditetapkan mengikut Akta yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP.

"Sebarang aduan mengenai peniaga boleh disalurkan kepada KPDNHEP untuk tindakan selanjutnya menerusi pelbagai saluran antaranya dengan menghubungi pusat talian, bilik gerakan KPDNHEP negeri serta Pusat Arahan Pengukuasaan (ECC).

"Aduan juga boleh disalurkan melalui talian aplikasi WhatsApp di talian 019-2794317, emel ke e-aduan@kpdnhep.gov.my, serta dengan melayari portal e-aduan KPDNHEP di pautan <https://eaduan.kpdnhep.gov.my>," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/572773/padah-jual-lpg-tanpa-pamer-harga-jualan>

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 29 April 2020 @ 10:26 PM

